



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**NIKMAT SEBUAH
PERJUANGAN**



Tarikh Bacaan:
28 OGOS 2026M / 15 RABIULAWWAL 1448H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Nikmat Sebuah Perjuangan

28 Ogos 2026M/ 15 Rabiulawwal 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي

لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾ سورة ابراهيم

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ
خَيْرٌ وَأَبْقَى.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya menyeru diri saya dan para hadirin sekalian, agar marilah bersama-sama kita mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Firman Allah yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam."

Sabda Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ juga menyebut:

"Bertaqwalah kepada Allah di mana sahaja kamu berada. Dan ikutilah kejahatan dengan kebaikan, nescaya kebaikan itu akan menghapuskan

kejahatan tersebut. Dan bergaullah sesama manusia dengan akhlak yang baik.”
(Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Bersempena Hari Kebangsaan kali ke-69 pada tahun ini, khutbah pada hari ini akan membawakan tajuk: **Nikmat Sebuah Perjuangan.**

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Beberapa hari lagi, negara kita akan menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-69. Setiap kali tibanya tanggal 31 Ogos, Jalur Gemilang akan berkibar megah di seluruh negara. Lagu-lagu patriotik bergema. Laungan "Merdeka!" bergema di segenap pelosok tanah air. Anak-anak mengenakan pakaian bertemakan kebangsaan, manakala rakyat daripada pelbagai kaum bersama-sama meraikan nikmat kemerdekaan yang telah dikecapi sejak hampir tujuh dekad yang lalu.

Namun, di sebalik segala kemeriahan itu, marilah kita bertanya kepada diri sendiri: apakah yang sebenarnya kita warisi daripada detik bersejarah 31 Ogos 1957? Adakah kita sekadar mewarisi laungan "Merdeka!", atau kita turut mewarisi roh yang menghidupkan laungan tersebut?

Kemerdekaan tanah air yang dicapai pada tanggal 31 Ogos 1957 bukanlah ditempa dalam sehari. Tinta sejarah perjuangan kemerdekaan ini tidak ditulis dengan tinta emas, sebaliknya diceritakan dengan mata pedang, darah, air mata dan pengorbanan para pejuang.

Sejak kejatuhan Melaka pada tahun 1511, bangsa ini telah melalui ratusan tahun penjajahan Portugis, Belanda, Jepun dan British. Tanah dirampas, kekayaan dibawa pergi dan kuasa pemerintahan bertukar tangan. Namun, di sebalik segala kehilangan itu, terdapat satu warisan

yang terus dipertahankan oleh nenek moyang kita, iaitu akidah dan agama.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ramai antara kita mengingati detik almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj melaungkan kalimah "Merdeka!" sebanyak tujuh kali di Stadium Merdeka. Namun, terdapat beberapa lagi aspek yang wajar diceritakan kepada generasi hari ini. Pemilihan tarikh 31 Ogos untuk kemerdekaan negara adalah ilham daripada tokoh ulama tanah Melayu yang merupakan Mufti pertama Pulau Pinang iaitu almarhum Sheikh Abdullah Fahim.

Manakala pada pagi 31 Ogos 1957, rangkaian upacara pemasyhuran kemerdekaan, pengibaran bendera, lagu kebangsaan, seruan azan dan doa kesyukuran telah menghimpunkan semangat kebangsaan dengan pengabdian kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Di sebalik gema azan itu berdiri seorang pemuda berusia 29 tahun iaitu almarhum Tan Sri Hassan Azhari. Ketika laungan azan dilafazkan, air mata mengalir tanda kegembiraan yang sukar diungkapkan. Suara itu datang dari sebuah bilik kecil, tetapi gema tauhidnya memenuhi Stadium Merdeka dan memasuki sejarah negara.

Azan berkumandang di tengah-tengah sebuah negara yang baru dilahirkan sebagai negara merdeka. Doa pula dipanjatkan oleh Mufti pertama Negeri Sembilan, almarhum Dato' Sheikh Ahmad bin Muhammad Sa'id, ketika rakyat sedang bergembira menyambut kebebasan. Detik itu membawa mesej yang sangat besar. Laungan merdeka mengisytiharkan bahawa tanah air ini tidak lagi diperintah oleh

penjajah. Namun, laungan "Allahu Akbar" dalam azan mengingatkan bahawa manusia tetap hamba kepada Allah Yang Maha Besar.

Merdeka daripada penjajah tidak bererti merdeka daripada Tuhan. Bebas menentukan masa hadapan negara tidak bererti bebas melakukan apa sahaja tanpa batas agama dan akhlak. Kemerdekaan memberi kita hak untuk mentadbir tanah air sendiri, tetapi azan mengingatkan bahawa hak tersebut ialah amanah yang akan dipersoalkan oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Seolah-olah azan itu sedang menyambung laungan kemerdekaan:

"Negara ini telah bebas daripada penguasaan manusia, tetapi rakyatnya hendaklah terus tunduk kepada Allah."

Doa yang dipanjatkan pula seolah-olah mengingatkan: kemerdekaan boleh diisytiharkan oleh manusia, tetapi keamanan, keberkatan dan perlindungan hanya dikurniakan oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Persoalannya, setelah hampir tujuh puluh tahun berlalu, masihkah roh tersebut hidup dalam jiwa kita? Masihkah kemerdekaan mendekatkan kita kepada Allah, atau kita hanya mengingat kemerdekaan melalui kibaran bendera, perarakan dan nyanyian konsert semata-mata?

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam mendefinisikan kemerdekaan dengan makna yang jauh lebih luas. Ketika panglima Rib'l bin 'Amir ditanya tentang tujuan perjuangan umat Islam, beliau menjawab dengan maksudnya:

"Kami datang untuk mengeluarkan manusia daripada penghambaan sesama manusia kepada penghambaan kepada Allah, daripada

kesempitan dunia kepada keluasannya dan daripada kezaliman kepada keadilan Islam".

Inilah kemerdekaan menurut neraca Islam. Bukan sekadar bebasnya tanah air daripada cengkaman penjajah, namun kemerdekaan yang sebenar ialah apabila jiwa manusia tidak lagi diperhambakan oleh manusia, hawa nafsu, ketakutan, ketamakan dan kepentingan dunia.

Jika negara kita aman tetapi lidah kita masih menyebarkan fitnah, kita belum sepenuhnya merdeka. Jika teknologi semakin maju tetapi akhlak semakin mundur, kita belum sepenuhnya merdeka. Jika kita bebas memilih pemimpin tetapi masih sanggup menjual prinsip kerana wang dan kepentingan, kita belum sepenuhnya merdeka.

Penjajah dahulu datang dengan kapal perang dan senjata. Penjajahan hari ini datang dalam bentuk yang lebih halus. Ia menyelinap ke dalam fikiran melalui skrin, merosakkan akhlak melalui hiburan, memecah belahkan masyarakat melalui fitnah dan melemahkan iman melalui gaya hidup yang melalaikan. Maka, perjuangan generasi hari ini generasi hari ini bukan sekadar menghalau penjajah dari bumi, tetapi membebaskan jiwa penjajahan hawa nafsu, keruntuhan akhlak dan kesesatan jiwa.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita menzahirkan kesyukuran terhadap nikmat kemerdekaan melalui beberapa tindakan.

Pertama: Merdekakan diri daripada penjajahan hawa nafsu dan maksiat.

Peliharalah solat, jagalah akidah, jauhilah rasuah, riba, arak, judi, zina dan segala perkara yang merosakkan manusia. Jalur Gemilang boleh berkibar tinggi, tetapi jangan sampai iman kita jatuh rendah. Kemerdekaan akan lebih bermakna apabila rakyatnya semakin tunduk kepada Allah, bukan semakin berani melanggar perintah-Nya.

Kedua: Peliharalah persaudaraan dan keamanan negara.

Negara yang kuat bermula daripada keluarga yang saling menjaga, jiran yang saling mengenali dan masyarakat yang saling membantu. Janganlah kerana perbezaan kecil, hubungan kekeluargaan terputus. Janganlah kerana berbeza pandangan, jiran tidak lagi bertegur sapa. Kita mungkin tidak sefahaman dalam banyak perkara, tetapi kita berkongsi tanah air yang sama dan mendambakan keamanan yang sama.

Ketiga: Didiklah generasi hari ini mengenali sejarah dan menghargai agama.

Ceritakan kepada anak-anak bahawa keamanan yang mereka nikmati mempunyai sejarah pengorbanannya. Kenalkan mereka kepada perjuangan para ulama, pemimpin, pejuang, penulis, pendidik, kaum ibu dan rakyat biasa yang berkorban demi kemerdekaan. Bangsa yang melupakan sejarah akan mudah mengulangi kesilapan yang sama. Ajarkan mereka memahami bahawa mencintai negara, mempertahankan tanah air dan membangunkan masa hadapan tidak boleh dipisahkan daripada mencintai Allah, mempertahankan iman dan membina akhlak.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati tiga perkara sebagai rumusan:

Pertama: Kemerdekaan ialah nikmat dan amanah daripada Allah ﷻ. Syukurilah dengan ketaatan dan peliharalah keamanan yang diwariskan.

Kedua: Kemerdekaan sebenar ialah membebaskan tanah air daripada penjajahan dan jiwa daripada penghambaan kepada manusia, hawa nafsu serta maksiat.

Ketiga: Peliharalah keharmonian negara, jauhi fitnah, teguhkan akidah dan didik generasi agar menghargai sejarah serta pengorbanan para pejuang.

Firman Allah ﷻ dalam Surah Ali 'Imran ayat 200:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman, bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara kebajikan) dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh, demi perjuangan) dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan) ".!

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2014 telah memutuskan seperti berikut:

Pertama: Amalan berzikir adalah suatu tuntutan yang dianjurkan oleh Islam dan dianggap sebagai ibadah sunat bagi mengingat Allah dengan menyebut nama-Nya.

Kedua: Mesyuarat juga berpandangan bahawa amalan berzikir pada masa kini yang telah ditambah dengan cara memukul alat muzik seperti rebana, tabla (gendang) dan sebagainya di dalam masjid atau surau oleh sesetengah pihak, boleh mengganggu urusan ibadah orang lain yang datang untuk menunaikan solat, membaca al-Quran, berzikir dan sebagainya.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَلَايَةً قُولاو فَيُنِغَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang; Jadikanlah
kami dan zuriat keturunan kami dalam kalangan hamba-Mu yang
istiqamah memakmurkan masjid, menunaikan zakat melalui Zakat
MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG